



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

SOROTAN STATISTIK EKONOMI MALAYSIA

SIRI 9 | 2025



JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

SOROTAN STATISTIK EKONOMI MALAYSIA

SIRI 9 | 2025

Pemakluman:

Kepengerusian ASEAN-Malaysia 2025: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) akan mempengerusikan Jawatankuasa Sistem Statistik Komuniti ASEAN Ke-15 (ACSS15) yang bertujuan untuk memperkukuh kerjasama statistik ke arah pembangunan serantau yang mampan.

Malaysia buat julung kalinya telah menduduki tangga pertama (1) di peringkat global dalam laporan dwi-tahunan Open Data Inventory (ODIN) 2024/25 yang dikeluarkan oleh Open Data Watch (ODW), mengatasi 197 negara lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan 20 Oktober sebagai Hari Statistik Negara (MyStats Day), dengan tema 'Statistik Nadi Kehidupan.' Sementara itu, Hari Statistik Dunia Keempat akan disambut pada 20 Oktober 2025 dengan tema 'Driving Change with Quality Statistics and Data for Everyone'.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

Diterbitkan dan dicetak oleh:

Jabatan Perangkaan Malaysia

Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62514 Putrajaya,
MALAYSIA

Tel.	: 03-8885 7000
Faks	: 03-8888 9248
Portal	: https://www.dosm.gov.my
Facebook / X / Instagram	: StatsMalaysia
Emel	: info@dosm.gov.my data@dosm.gov.my

Diterbitkan pada September 2025.

Hakcipta terpelihara.

Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar dalam apa-apa bentuk atau alat apa jua pun kecuali setelah mendapat kebenaran daripada Jabatan Perangkaan Malaysia. Pengguna yang mengeluarkan sebarang maklumat dari terbitan ini sama ada yang asal atau diolah semula hendaklah meletakkan kenyataan berikut:

“Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia”.

eISSN 3003-8007

02	TINTA KETUA PERANGKAWAN	
04	SOROTAN PENTING	
06	INDIKATOR EKONOMI UTAMA	
08	PERSPEKTIF KESELURUHAN	
11	RENCANA	
23	SNAPSHOT	
20	PERTANIAN	32
25	INDUSTRI DAN PEMBUATAN	36
28	PERKHIDMATAN	40
		44
		45
		60
		61
		SEKTOR LUARAN
		SENARIO BURUH
		HARGA
		WAY FORWARD
		INDIKATOR EKONOMI
		AHLI MESR
		PENGHARGAAN

Sorotan Statistik Ekonomi Malaysia (MESR) Edisi Kesembilan 2025. Penerbitan ini terus menjadi platform utama serta sumber rujukan penting dalam menyediakan statistik yang tepat dan relevan, di samping analisis terperinci untuk memperkukuh kefahaman terhadap perkembangan semasa ekonomi negara. Edisi ini menumpukan kepada sorotan statistik utama bagi Julai dan Ogos 2025, sekali gus memberikan perspektif baharu mengenai arah aliran ekonomi semasa dan potensi hala tuju masa hadapan.

Dalam edisi kali ini, sebuah artikel bertajuk “Menenal pasti Jurang Pasaran Buruh di Malaysia: Dapatan daripada Pengukuran Eksperimental Ketidakecekapan Penggunaan Buruh” turut diketengahkan. Kajian ini membincangkan isu berkaitan pengangguran, guna tenaga tidak penuh dan kekangan penyertaan tenaga buruh. Analisis yang dibentangkan dijangka memberi gambaran kritikal mengenai dinamik pasaran buruh, selain dapat membantu penggubal dasar merangka intervensi yang lebih bersasar untuk meningkatkan kecekapan tenaga kerja dan menyokong pertumbuhan ekonomi mampan.

Dari perspektif serantau, Asian Development Outlook (ADO) Julai 2025 oleh Bank Pembangunan Asia (ADB) menjangkakan ekonomi negara membangun Asia berkembang sederhana pada kadar 4.7 peratus pada 2025 sebelum sedikit perlahan kepada 4.6 peratus pada 2026. Unjuran ini dipengaruhi oleh kelemahan perdagangan global, peningkatan tarif United States Syarikat, permintaan domestik yang lemah serta ketidaktentuan berpanjangan dalam sektor hartanah China. Asia Tenggara dijangka merekodkan semakan penurunan terbesar dengan pertumbuhan 4.2 peratus, manakala Asia Selatan kekal lebih kukuh dipacu oleh India. Sebaliknya, Asia Tengah dan Kaukasus disokong oleh pengeluaran minyak di Kazakhstan, manakala pertumbuhan di rantau Pasifik dijangka sederhana berikutan kelembapan dalam sektor pelancongan. Secara keseluruhan, prospek ekonomi negara membangun Asia kekal mencabar dengan risiko penurunan daripada tarif global, ketidaktentuan geopolitik dan kelemahan berterusan dalam sektor hartanah.

Menghadapi cabaran global ini, ekonomi Malaysia mencatat pertumbuhan 4.4 peratus pada separuh pertama tahun 2025, berbanding 5.0 peratus pada tempoh sama tahun sebelumnya. Prestasi ini disokong oleh perbelanjaan domestik dan pelaburan yang berterusan. Bagi keseluruhan tahun 2025, ekonomi negara diunjurkan berkembang dalam julat 4.0 hingga 4.8 peratus. Menjelang 2026, momentum pertumbuhan dijangka terus dipacu oleh permintaan dalam negeri yang kukuh dan berdaya tahan didorong oleh perbelanjaan swasta yang stabil, aktiviti pelaburan yang berterusan serta langkah dasar yang menyokong. Keseluruhannya, faktor-faktor ini dijangka dapat mengimbangi kesan faktor luaran yang tidak menentu dan memperkukuh trajektori pertumbuhan jangka sederhana Malaysia.

Dari segi prestasi sektoral, Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP) meningkat 4.2 peratus pada Julai 2025, didorong oleh pertumbuhan kukuh 4.4 peratus dalam sektor Pembuatan serta pemulihan 4.3 peratus di dalam sektor Perlombongan, manakala sektor Elektrik kekal positif 1.6 peratus. Dalam masa yang sama, sektor Perdagangan Borong & Runcit mencatat jualan sebanyak RM156.4 bilion, iaitu peningkatan tahunan 5.0 peratus. Pencapaian ini disokong oleh pertumbuhan kukuh dalam subsektor Perdagangan borong dan Perdagangan runcit dengan masing-masing meningkat 5.4 peratus dan 5.6 peratus, manakala subsektor Kenderaan Bermotor mencatat pertumbuhan sederhana 1.6 peratus.

Sementara itu, bagi Prestasi perdagangan Malaysia pada Ogos 2025 merekodkan jumlah dagangan sebanyak RM247.1 bilion, susut 1.9 peratus berbanding tahun sebelumnya akibat penurunan import. Walau bagaimanapun, eksport meningkat 1.9 peratus kepada RM131.6 bilion, sekali gus melonjakkan lebih dagangan lebih 150 peratus kepada RM16.1 bilion. Peningkatan eksport didorong terutamanya oleh penghantaran lebih tinggi ke Taiwan, Province of China serta kenaikan eksport yang lebih kukuh bagi barangan elektrik dan elektronik. Secara kumulatif, bagi tempoh Januari hingga Ogos 2025, jumlah dagangan mencecah RM2.0 trilion dengan pertumbuhan 3.8 peratus, disokong oleh eksport (+3.9%) dan import (+3.6%), manakala lebih dagangan berkembang 7.4 peratus kepada RM86.1 bilion.

Kadar Inflasi Malaysia pada Ogos 2025 mencatat peningkatan sederhana 1.3 peratus, dipacu terutamanya oleh kenaikan harga dalam kumpulan Insurans & Perkhidmatan Kewangan, Makanan & Minuman serta Restoran dan Perkhidmatan Penginapan. Pada masa yang sama, harga beberapa barangan keperluan isi rumah seperti sayur-sayuran dan daging menunjukkan penurunan, manakala kos elektrik dan bahan api turut berkurangan susulan pelaksanaan rebat tarif. Secara keseluruhannya, kadar inflasi negara kekal terkawal dengan tekanan harga tertumpu kepada perkhidmatan dan perbelanjaan luar rumah.

Pasaran buruh terus menunjukkan ketahanan dengan bilangan tenaga buruh pada Julai 2025 meningkat kepada 17.47 juta orang dengan kadar penyertaan kekal pada 70.8 peratus. Kadar pengangguran kekal stabil pada paras 3.0 peratus, bersamaan 521.6 ribu orang, sekali gus menggariskan kestabilan pasaran buruh Malaysia walaupun menghadapi cabaran luaran.

Sementara itu, Indeks Pelopor (IP) yang menjadi petunjuk awal arah aliran ekonomi merekodkan penyederhanaan 0.5 peratus tahun ke tahun, menggambarkan kelemahan dalam Import benar logam asas berharga & logam bukan ferus dan prestasi pasaran saham tempatan. Namun secara bulanan, ia kembali pulih dengan peningkatan 0.5 peratus disokong oleh import semikonduktor yang lebih tinggi. Walaupun kekal di bawah paras 100.0 mata yang mencerminkan cabaran jangka panjang, ekonomi Malaysia dijangka terus berada pada trajektori sederhana dengan sokongan permintaan dalam negeri yang stabil.

Umumnya, dengan sokongan pertumbuhan domestik yang mantap, ekonomi Malaysia berada pada kedudukan yang lebih kukuh untuk menghadapi ketidakpastian global. Aktiviti penggunaan, pelaburan dan permintaan dalam negeri dijangka menjadi pemacu utama dalam mengekalkan momentum pertumbuhan, sekali gus memperkukuh daya tahan negara terhadap risiko seperti ketegangan geopolitik, pertikaian perdagangan dan dasar perlindungan yang boleh menjejaskan aliran perdagangan antarabangsa.

Kepengerusian ASEAN-Malaysia 2025: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) akan mempengerusikan Jawatankuasa Sistem Statistik Komuniti ASEAN Ke-15 (ACSS15) yang bertujuan untuk memperkukuh kerjasama statistik ke arah pembangunan serantau yang mampan.

Malaysia julung kalinya berjaya menduduki tempat pertama di peringkat global dalam laporan dwitahunan. Open Data Inventory (ODIN) 2024/25 dikeluarkan oleh Open Data Watch (ODW) dengan mengatasi 198 buah negara yang lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan 20 Oktober sebagai Hari Statistik Negara (MyStats Day), dengan tema 'Statistik Nadi Kehidupan.' Sementara itu, Hari Statistik Dunia Keempat akan disambut pada 20 Oktober 2025 dengan tema 'Driving Change with Quality Statistics and Data for Everyone'.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

DATO' SRI DR. MOHD UZIR MAHIDIN

Ketua Perangkawan Malaysia

Jabatan Perangkaan Malaysia

September 2025

- International Monetary Fund (IMF) melalui World Economic Outlook Julai 2025 mengunjurkan pertumbuhan ekonomi global pada kadar 3.0 peratus bagi tahun 2025, dengan peningkatan marginal kepada 3.1 peratus pada tahun 2026, mencerminkan daya tahan keseluruhan. Inflasi dijangka menurun menyederhana kepada 3.6 peratus menjelang tahun 2026, walaupun United States Syarikat berdepan tekanan berterusan akibat tarif baharu. Walau bagaimanapun, ketegangan perdagangan yang semakin meningkat, pelaburan yang lebih lemah serta risiko geopolitik berkemungkinan menjejaskan unjuran ini, dengan tarif sahaja dianggarkan mengurangkan output global sebanyak 0.2 mata peratus pada tahun 2026.
- Ekonomi Malaysia berkembang 4.4 peratus pada separuh pertama tahun 2025 (1H 2024: 5.0%), sejajar dengan unjuran kerajaan iaitu antara 4.0 hingga 4.8 peratus bagi keseluruhan tahun. Pertumbuhan ini disokong oleh sektor Perkhidmatan dan Pembuatan, manakala dari segi permintaan, penggunaan swasta serta pembentukan modal tetap kasar (PMTK) menjadi pemacu utama. Kedua-dua suku pertama dan kedua tahun 2025 mencatatkan pertumbuhan KDNK yang konsisten pada kadar 4.4 peratus.
- Melihat prestasi pertanian, pengeluaran Getah Asli (NR) menurun 5.5 peratus tahun ke tahun pada Julai 2025 kepada 35,884 tan (Julai 2024: 37,960 tan). Namun begitu, secara bulan ke bulan, pengeluaran mencatatkan peningkatan ketara 36.7 peratus berbanding Jun 2025 (26,249 tan). Begitu juga, pengeluaran Buah tandan segar pada Ogos 2025 merekodkan penurunan 3.1 peratus tahun ke tahun kepada 9,524,839 tan (Ogos 2024: 9,833,812 tan). Sebaliknya, pengeluaran menunjukkan peningkatan sederhana 2.5 peratus bulan ke bulan berbanding 9,290,773 tan pada Julai 2025.
- Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP) Malaysia berkembang 4.2 peratus pada Julai 2025, meningkat daripada 2.9 peratus pada Jun. Pertumbuhan ini didorong oleh sektor Pembuatan yang mencatatkan pertumbuhan 4.4 peratus (Jun: 3.6%) serta pemulihan dalam sektor Perlombongan pada kadar 4.3 peratus (Jun: -0.01%), manakala sektor Elektrik merekodkan peningkatan lebih perlahan 1.6 peratus (Jun: 2.3%). Walau bagaimanapun, IPP menguncup 0.3 peratus secara bulan ke bulan, sekali gus meredam kesan pertumbuhan kukuh 7.5 peratus yang direkodkan pada Jun.
- Pada masa yang sama, nilai jualan sektor Pembuatan meningkat 3.5 peratus tahun ke tahun pada Julai 2025 (Jun 2025: 3.3%), kepada RM162.5 bilion. Peningkatan ini disumbangkan terutamanya oleh subsektor Makanan, Minuman & Tembakau yang berkembang 8.9 peratus (Jun: 14.7%), di samping jualan yang lebih tinggi bagi produk Elektrik & Elektronik (6.9%; Jun: 4.5%) serta produk Mineral bukan logam, logam asas & logam yang direka (3.8%; Jun: 3.0%). Dari segi bulan ke bulan, nilai jualan meningkat sedikit 0.8 peratus berbanding RM161.2 bilion pada Jun 2025.
- Pada Julai 2025, Indeks Volum Perdagangan Borong & Runcit meningkat 4.6 peratus tahun ke tahun kepada 165.4 mata, disokong oleh Perdagangan Borong (+5.9%), Perdagangan Runcit (+4.4%) dan Kenderaan Bermotor (+0.9%). Indeks pelarasan musim pula mencatatkan peningkatan 2.8 peratus pada asas perbandingan bulanan kepada 168.6 mata.
- Berdasarkan harga, inflasi Malaysia meningkat kepada 1.2 peratus tahun ke tahun pada Julai 2025 (Jun 2025: 1.1%). Peningkatan ini terutamanya didorong oleh kos yang lebih tinggi dalam subsektor Insurans & Perkhidmatan Kewangan (+5.5%), Restoran & Perkhidmatan Penginapan (+3.1%), serta Pengangkutan (+0.4%), manakala Makanan & Minuman mencatatkan kenaikan yang lebih perlahan pada 1.9 peratus (Jun: 2.1%). Dari segi bulan ke bulan, inflasi keseluruhan meningkat 0.1 peratus, kadar yang sama seperti pada Jun. Sementara itu, inflasi Malaysia meningkat 1.3 peratus pada Ogos 2025 dengan mata indeks mencatatkan 134.9 mata.
- Sementara itu, Indeks Harga Pengeluar (IHPR) Malaysia bagi Pengeluaran Tempatan menurun 3.8 peratus tahun ke tahun pada Julai 2025, sedikit berkurangan berbanding penurunan 4.2 peratus pada Jun. Penyusutan ini dipacu oleh sektor Perlombongan (-8.7%) dan Pembuatan (-4.0%), manakala sektor Pertanian, Perhutanan & Perikanan (+1.1%) dan Bekalan Elektrik & Gas (+4.0%) merekodkan peningkatan. Berbanding bulan sebelumnya, IHPR meningkat 0.3 peratus, mencatat peningkatan selepas penurunan 0.7 peratus pada Jun. IHPR Malaysia mencatatkan penurunan 2.8 peratus pada Ogos 2025.


- Berkaitan dengan perdagangan luar, jumlah dagangan barangan Malaysia meningkat 6.1 peratus tahun ke tahun kepada RM749.2 bilion pada suku kedua 2025. Eksport naik 3.4 peratus kepada RM381.8 bilion, manakala import melonjak 9.0 peratus kepada RM367.4 bilion, sekali gus menghasilkan lebih dagangan RM14.4 bilion, iaitu penurunan ketara 55.3 peratus berbanding suku yang sama tahun sebelumnya. Pada Julai 2025, prestasi perdagangan terus mengukuh dengan jumlah dagangan meningkat 3.8 peratus tahun ke tahun kepada RM265.9 bilion, disokong oleh eksport RM140.4 bilion (+6.8%) dan import RM125.5 bilion (+0.6%). Sehubungan itu, lebih dagangan meningkat lebih dua kali ganda kepada RM15.0 bilion, tertinggi direkodkan pada tahun 2025. Pada Ogos 2025, prestasi perdagangan Malaysia menunjukkan ketidakstabilan dengan sedikit penurunan 1.9 peratus tahun ke tahun.
- Pada Julai 2025, guna tenaga Malaysia meningkat 2.8 peratus tahun ke tahun kepada 17.47 juta orang (Julai 2024: 17.00 juta), manakala Kadar Penyertaan Tenaga Buruh (KPTB) kekal pada 70.8 peratus. Bilangan penduduk bekerja bertambah 3.1 peratus kepada 16.95 juta orang, meningkatkan nisbah guna tenaga kepada penduduk kepada 68.7 peratus. Pada masa yang sama, bilangan penganggur menurun 5.7 peratus kepada 521.6 ribu orang, menjadikan kadar pengangguran susut kepada 3.0 peratus. Dari segi perbandingan bulanan, tenaga buruh berkembang 0.2 peratus (Jun 2025: 17.43 juta), dengan bilangan penduduk bekerja turut meningkat 0.2 peratus (Jun 2025: 16.92 juta).
- Indeks Pelopor (IP) menyederhana pada Julai 2025 dengan mencatatkan penurunan 0.5 peratus tahun ke tahun kepada 114.3 mata (Julai 2024: 114.9). Namun begitu, secara bulanan, IP meningkat semula 0.5 peratus selepas penguncupan pada Jun, disokong oleh import semikonduktor yang lebih kukuh. Meskipun kekal di bawah paras trend jangka panjang 100.0 mata, prospek jangka pendek Malaysia dijangka terus sederhana, dipacu oleh daya tahan sektoral dan permintaan domestik yang stabil.

INDIKATOR EKONOMI UTAMA

Indeks Pelopor

114.3 mata


Julai 2025



Kadar Pengangguran

3.0%


Julai 2025



Pengeluaran Buah Tandan Segar

-3.1%


Ogos 2025



Pengeluaran Getah Asli

-5.5%


Julai 2025



Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP)

4.2%


Julai 2025



Nilai Jualan Sektor Pembuatan

3.5%

Julai 2025




Nota:

- 1) Kadar pengangguran adalah perkadaran bilangan penganggur kepada jumlah tenaga buruh, dalam peratus.
- 2) Indikator selebihnya dinyatakan dalam peratus perubahan tahun ke tahun


Nilai Jualan Perdagangan Borong & Runcit

5.0%
Julai 2025




Indeks Volum Perdagangan Borong & Runcit

4.6%
Julai 2025




Eksport

1.9%
Ogos 2025




Import

-5.9%
Ogos 2025




Indeks Harga Pengguna (IHP)

1.3%
Ogos 2025



Indeks Harga Pengeluar (IHPR) Pengeluaran Tempatan

-2.8%
Ogos 2025



Nota:

- 1) Kadar pengangguran adalah perkadaran bilangan penganggur kepada jumlah tenaga buruh, dalam peratus.
- 2) Indikator selebihnya dinyatakan dalam peratus perubahan tahun ke tahun

PERSPEKTIF KESELURUHAN

Ekonomi Dunia

The International Monetary Fund (IMF) dalam laporan World Economic Outlook edisi Julai 2025 menegaskan bahawa ekonomi global kekal berdaya tahan walaupun berdepan dengan ketidaktentuan yang berterusan. Pertumbuhan dunia diunjurkan berkembang pada kadar 3.0 peratus pada tahun 2025, dengan sedikit peningkatan kepada 3.1 peratus pada tahun 2026. Inflasi global dijangka menurun dari 4.2 peratus pada tahun 2025 kepada 3.6 peratus pada tahun 2026 walaupun United States Syarikat masih berhadapan tekanan harga yang berterusan ekoran pelaksanaan tarif baharu. Ketegangan perdagangan yang meningkat, pelaburan yang perlahan serta risiko geopolitik yang berlaku boleh mengekang trajektori positif ini, dengan tarif sahaja dianggarkan mengurangkan output global sebanyak 0.2 mata peratusan pada tahun 2026.

The Bureau of Economic Analysis (BEA) melaporkan bahawa ekonomi United States Syarikat berkembang pada kadar tahunan 3.3 peratus pada suku kedua 2025, menurut anggaran kedua Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK). Ini merupakan semakan menaik daripada anggaran awalan 3.0 peratus, dipacu terutamanya oleh peningkatan perbelanjaan pengguna dan pelaburan swasta. Walau bagaimanapun, peningkatan ini sebahagiannya diimbangi oleh perbelanjaan kerajaan yang lebih rendah serta perubahan dalam import.

Ekonomi Japan mencatatkan prestasi lebih kukuh pada suku kedua 2025 berbanding laporan awalan. Menurut anggaran kedua Pejabat Kabinet, KDNK benar berkembang pada kadar tahunan 2.2 peratus. Ini merupakan semakan menaik daripada anggaran awalan 1.0 peratus, mencerminkan ketahanan dalam permintaan dan penggunaan domestik. Peningkatan ini didorong terutamanya oleh penggunaan swasta yang berkembang 0.4 peratus berbanding anggaran awalan 0.2 peratus. Namun, perbelanjaan modal disemak menurun, meningkat hanya 0.6 peratus berbanding laporan awalan 1.3 peratus, mencerminkan pelaburan korporat yang lebih berhati-hati.

Taiwan, Province of China mencatatkan pertumbuhan KDNK benar pada kadar tahunan 12.8 peratus pada suku kedua tahun 2025. Pertumbuhan ini dipacu oleh sektor eksport. Eksport barangan dan perkhidmatan melonjak, khususnya semikonduktor, komponen elektronik, produk maklumat dan komunikasi serta audio-video, didorong oleh permintaan global terhadap produk berkaitan AI dan teknologi. Import juga meningkat dengan ketara, mencerminkan permintaan kukuh terhadap input perantaraan dan barangan modal.

Ekonomi Malaysia

Ekonomi Malaysia meningkat 4.4 peratus bagi separuh tahun pertama 2025 (1H 2024: 5.0%), selaras dengan unjuran Kerajaan bagi pertumbuhan sebanyak 4.0 hingga 4.8 peratus bagi tahun 2025. Prestasi ini didorong terutamanya oleh sektor Perkhidmatan dan Pembuatan. Sementara itu, Perbelanjaan penggunaan akhir swasta dan Pembentukan modal tetap kasar (PMTK) menyumbang kepada pertumbuhan dari segi permintaan. KDNK bertumbuh masing-masing 4.4 peratus pada suku tahun pertama dan kedua 2025, seperti yang ditunjukkan dalam **Jadual 1**.

Jadual 1: Perubahan Peratusan Tahunan (%) KDNK Malaysia mengikut Jenis Aktiviti Ekonomi, 2023 – 2024, Separuh Tahun Pertama 2024 – 2025 dan ST1 2024 – ST2 2025

Jenis Aktiviti Ekonomi	2023	2024	2024				2025		1H 2024	1H 2025
			ST1	ST2	ST3	ST4	ST1	ST2		
Pertanian	0.2	3.1	1.9	7.6	3.6	-0.7	0.7	2.1	4.8	1.4
Perlombongan & pengkuarian	0.5	0.9	4.3	2.7	-2.8	-0.7	-2.7	-5.2	3.6	-3.9
Pembuatan	0.7	4.2	2.1	4.7	5.6	4.2	4.1	3.7	3.4	3.9
Pembinaan	6.0	17.5	11.9	17.2	20.0	20.7	14.2	12.1	14.5	13.1
Perkhidmatan	5.1	5.3	4.8	5.9	5.2	5.5	5.0	5.1	5.3	5.0
KDNK	3.5	5.1	4.2	5.9	5.4	4.9	4.4	4.4	5.0	4.4

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Sektor Perkhidmatan pada separuh tahun pertama 2025 bertumbuh 5.0 peratus berbanding 5.3 peratus pada tempoh yang sama tahun sebelumnya. Prestasi ini didorong oleh pertumbuhan dalam semua subsektor, terutamanya Perdagangan borong & runcit, diikuti Pengangkutan & penyimpanan serta Kewangan & insurans.

Sektor Pembuatan bertumbuh 3.9 peratus berbanding 3.4 peratus pada separuh tahun pertama 2024. Pertumbuhan ini disokong oleh Produk mineral bukan logam, logam asas & produk logam yang direka; Produk petroleum, kimia, getah & plastik; dan Produk elektrik, elektronik & optikal.

Sektor Pembinaan mencatatkan pertumbuhan 13.1 peratus pada separuh tahun pertama 2025, berbanding 14.5 peratus pada tempoh yang sama tahun sebelumnya. Prestasi ini disokong oleh Kejuruteraan awam dan Aktiviti pertukangan khas.

Sektor Pertanian menyederhana 1.4 peratus (1H 2024: 4.8%), manakala sektor Perlombongan & pengkuarian merosot sebanyak 3.9 peratus pada separuh tahun pertama 2025 (1H 2024: 3.6%).

Jadual 2: Perubahan Peratusan Tahunan (%) KDNK Malaysia mengikut Kaedah Perbelanjaan, 2023 – 2024, Separuh Tahun Pertama 2024 – 2025 dan ST1 2024 – ST2 2025

Jenis Aktiviti Ekonomi	2023	2024	2024				2025		1H 2024	1H 2025
			ST1	ST2	ST3	ST4	ST1	ST2		
Pertanian	0.2	3.1	1.9	7.6	3.6	-0.7	0.7	2.1	4.8	1.4
Perlombongan & pengkuarian	0.5	0.9	4.3	2.7	-2.8	-0.7	-2.7	-5.2	3.6	-3.9
Pembuatan	0.7	4.2	2.1	4.7	5.6	4.2	4.1	3.7	3.4	3.9
Pembinaan	6.0	17.5	11.9	17.2	20.0	20.7	14.2	12.1	14.5	13.1
Perkhidmatan	5.1	5.3	4.8	5.9	5.2	5.5	5.0	5.1	5.3	5.0
KDNK	3.5	5.1	4.2	5.9	5.4	4.9	4.4	4.4	5.0	4.4

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Perbelanjaan penggunaan akhir swasta meningkat 5.2 peratus pada separuh tahun pertama 2024 (1H 2024: 5.2%) disokong oleh penggunaan yang lebih tinggi dalam Makanan & minuman bukan alkohol, diikuti oleh Pengangkutan serta Perumahan, air, elektrik, gas & bahan api lain.

Pembentukan Modal Tetap Kasar (PMTK) atau pelaburan dalam aset tetap, bertumbuh 10.9 peratus pada separuh tahun pertama 2025 (1H 2024: 10.6%). Prestasi PMTK ini disumbangkan oleh Struktur, diikuti Mesin & peralatan dan Aset lain. PMTK mengikut sektor juga meningkat dalam sektor Awam dan Swasta.

Perbelanjaan penggunaan akhir kerajaan meningkat 5.3 peratus pada separuh tahun pertama 2025 berbanding 4.5 peratus pada tempoh yang sama tahun sebelumnya. Pertumbuhan ini didorong oleh perbelanjaan untuk bekalan dan perkhidmatan.


Selain itu, Eksport dan Import masing-masing meningkat 3.3 peratus (1H 2024: 6.4%) dan 4.9 peratus (1H 2024: 7.1%). Walau bagaimanapun, Eksport bersih menyusut 22.5 peratus (1H 2024: -4.6%), berikutan import yang bertumbuh lebih laju berbanding eksport.

Indeks Pelopor (IP) terus menyederhana pada bulan Julai 2025, mencatatkan penurunan 0.5 peratus kepada 114.3 mata berbanding 114.9 mata pada tahun sebelumnya. Prestasi ini dipengaruhi oleh penurunan ketara dalam Import Benar Logam Asas Berharga & Logam Bukan Ferus Lain (-16.3%) dan Indeks Perusahaan Bursa Malaysia (-13.4%). sebaliknya, prestasi bulanan kembali pulih kepda 0.5 peratus pada Julai 2025 selepas menyusut 0.3 peratus pada bulan sebelumnya, terutamanya didorong oleh peningkatan Import Benar Semi Konduktor (0.5%). Meneliti arah aliran jangka panjang terlicin pada Julai 2025, IP kekal berada di bawah 100.0 mata. Namun begitu, ekonomi Malaysia dijangka berada pada trajektori sederhana pada masa hadapan.

PERSPEKTIF KESELURUHAN


Prestasi sektor yang lebih kukuh dan permintaan dalam negeri yang stabil akan meletakkan negara pada kedudukan yang lebih baik untuk menghadapi cabaran global.

Carta 1: Indeks Pelopor (2015=100) dan Kitaran Perniagaan (Kawasan Berlorek Kelabu), Januari 1991 hingga Julai 2025



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Carta 2: Indeks Komposit Pelopor (Arah Aliran Jangka Panjang = 100) dan Kitaran Perniagaan (Kawasan Berlorek Kelabu), Januari 1991 hingga Julai 2025



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Mengenalpasti Jurang Pasaran Buruh di Malaysia: Dapatan daripada Pengukuran Eksperimental Ketidakcekapan Penggunaan Buruh

Ahmad Thawrique Mohd Taufan; Nur Qistinna Israrr Ahmad¹; Mirrah Hajira Bajuri

Biro Statistik Buruh Malaysia (MBLS), Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)

Pengenalan

Kadar pengangguran telah lama digunakan untuk menilai prestasi pasaran buruh, berfungsi sebagai petunjuk utama bagi ketidakcekapan penggunaan buruh. Namun, Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) telah menyatakan limitasi kerana pengukuran ini hanya mengambil kira individu yang aktif mencari pekerjaan dan boleh mula bekerja serta-merta, pada masa yang sama tidak mengambil kira mereka yang mungkin mempunyai halangan dalam menyertai pasaran buruh atau yang berada dalam guna tenaga tidak penuh.

Bagi mengatasi limitasi pengukuran ini, 19th International Conference of Labour Statisticians (ICLS) telah memperkenalkan rangka kerja yang lebih komprehensif untuk memberikan penilaian yang lebih terperinci dan tepat mengenai ketidakcekapan penggunaan buruh. Rangka kerja ini mengambil kira tiga kumpulan utama yang merangkumi Guna tenaga tidak penuh berkaitan masa, Menganggur dan Potensi tenaga buruh. Tenaga buruh yang berpotensi terdiri daripada mereka yang aktif mencari kerja tetapi tidak bersedia serta-merta untuk masuk bekerja atau mereka yang tersedia tetapi tidak aktif mencari pekerjaan. Mereka yang tidak mencari pekerjaan tetapi bersedia untuk bekerja ialah mereka yang menginginkan pekerjaan tetapi tidak dapat bekerja kerana tanggungan keluarga atau akses terhad kepada peluang pekerjaan.

Resolusi I ICLS ke-19 – Resolusi Mengenai Statistik Pekerjaan, Guna Tenaga dan Ketidakcekapan penggunaan buruh dalam ICLS ke-19, menyarankan adaptasi kumpulan ini dalam statistik pasaran buruh rasmi bagi pandangan yang lebih komprehensif tentang ketidakcekapan pasaran buruh. Pendekatan ini memberikan penggubal dasar pandangan berharga tentang pengangguran dan halangan lain kepada penyertaan pasaran buruh penuh

Artikel ini mengkaji aplikasi pengukuran eksperimental ketidakcekapan penggunaan buruh di Malaysia sebagai alat bagi intervensi dasar yang lebih bersasar dan memupuk pembangunan ekonomi yang mampan.


Potensi Tenaga Buruh

Potensi tenaga buruh ini merujuk kepada individu yang tidak dikira sebagai menganggur di bawah definisi penganggur tetapi masih mempunyai keperluan yang tidak dipenuhi untuk bekerja. Kumpulan ini termasuk mereka yang ingin bekerja dan bersedia untuk bekerja tetapi tidak memenuhi kriteria ketat untuk diklasifikasikan sebagai penganggur. Ia dibahagikan lagi kepada dua subkumpulan:


1. Mereka yang sedang aktif mencari kerja tetapi tidak bersedia untuk bekerja secara serta-merta: Individu ini sedang mencari pekerjaan, tetapi atas sebab-sebab seperti keadaan peribadi, mereka ini tidak bersedia untuk memulakan kerja dalam jangka masa yang singkat seperti yang didefinisikan sebagai penganggur.
2. Mereka yang bersedia untuk bekerja tetapi tidak mencari secara aktif: Individu ini bersedia dan bersedia untuk bekerja tetapi tidak mencari pekerjaan baru-baru ini. Mereka dikenali sebagai “discouraged jobseeker” atau mempunyai halangan dalam mendapatkan pekerjaan, seperti tanggungan menjaga, peluang pekerjaan terhad atau kekangan geografi.

Liputan kumpulan potensi tenaga buruh ini membantu dalam memberikan gambaran yang lebih komprehensif tentang pasaran buruh, melangkaui pengangguran, merangkumi individu yang tidak terlibat secara sepenuhnya dalam ekonomi. Kategori ini adalah penting untuk memahami ketidakcekapan penggunaan buruh dan merumus dasar untuk menangani halangan kemasukan kepada pekerjaan.


Carta 1a: Potensi Tenaga Buruh, 15 - 64 Tahun, Malaysia, 2019 – 2023




Carta 1b: Potensi Tenaga Buruh Mengikut Jantina, 15 - 64 Tahun, Malaysia, 2023



Carta 1c: Potensi Tenaga Buruh Mengikut Kumpulan Umur, 15 - 64 Tahun, Malaysia, 2023



Carta 1d: Potensi Tenaga Buruh Mengikut Etnik, 15 - 64 Tahun, Malaysia, 2023




Sumber: Pengiraan penulis daripada Survei Tenaga Buruh, 2019-2023, DOSM

Ketidakecapan Penggunaan Buruh

Ketidakecapan penggunaan buruh merujuk kepada penglibatan tenaga buruh yang tidak optimum dalam ekonomi, merangkumi individu yang tidak bekerja dengan potensi penuh mereka atau tidak berjaya mendapatkan pekerjaan yang sepadan dengan kemahiran dan keperluan mereka. Indikator ini melangkaui pengangguran, yang terhad kepada mereka yang aktif mencari dan bersedia untuk bekerja serta merta. Komponen utama ketidakecapan penggunaan buruh termasuk Guna tenaga tidak penuh berkaitan masa, Menganggur dan Potensi tenaga buruh.

Paparan 1a: Rangka kerja komponen ketidakecapan penggunaan buruh



Definisi:

1. Guna Tenaga tidak penuh Berkaitan Masa

Definisi: Semua orang yang bekerja kurang daripada tempoh jumlah jam yang bekerja yang ditetapkan semasa tempoh rujukan dan berkeupayaan serta sanggup menerima tambahan jam bekerja jika diberi peluang untuk tambahan pekerjaan.

2. Menganggur

Definisi: Orang yang tidak bekerja, menjalankan aktiviti untuk mencari pekerjaan dalam tempoh tertentu, dan bersedia untuk bekerja jika diberi peluang.

3. Potensi Tenaga Buruh

Definisi: Orang yang tidak bekerja yang menyatakan minat untuk bekerja tetapi menghadapi sesuatu keadaan yang membatasi pencarian pekerjaan secara aktif dan/ atau kesediaan mereka.

Sumber: 19th International Conference of Labour Statisticians (ICLS ke-19)

ICLS ke-19 membangunkan satu set indikator dalam mengukur dimensi ini secara komprehensif. Langkah-langkah ini memberikan dapatan yang menyeluruh melangkaui kadar pengangguran tradisional, mencerminkan ketidakcekapan pasaran buruh yang lebih luas iaitu indikator LU1, LU 2, LU 3 dan LU4.

LU1: Kadar Pengangguran

Ukuran yang paling tradisional, LU1 mengukur kadar tenaga buruh yang menganggur.

Formula:

$$LU1 = \frac{\text{Penganggur}}{\text{Tenaga Buruh}} \times 100$$

LU2: Gabungan Kadar Pengangguran dan Guna Tenaga tidak penuh Berkaitan Masa

LU2 memperluaskan skop LU1 dengan meliputi individu yang bekerja tetapi bekerja kurang daripada yang mereka inginkan.

Formula:

$$LU2 = \frac{\text{Guna Tenaga tidak penuh Berkaitan Masa} + \text{Penganggur}}{\text{Tenaga Buruh}} \times 100$$

LU3: Gabungan Kadar Pengangguran dan Potensi Tenaga Buruh

LU3 meluaskan lagi analisis dengan menggabungkan tenaga buruh yang berpotensi iaitu individu yang bersedia untuk bekerja tetapi tidak mencari pekerjaan secara aktif.

Formula:

$$LU3 = \frac{\text{Penganggur} + \text{Potensi Tenaga Buruh}}{\text{Tenaga Buruh} + \text{Potensi Tenaga Buruh}} \times 100$$

LU4: Ukuran Komposit Ketidakcekapan Penggunaan Buruh

Penunjuk yang paling komprehensif, LU4 menggabungkan pengangguran, pengangguran berkaitan masa dan potensi tenaga buruh


Formula:

$$LU4 = \frac{\text{Guna Tenaga tidak penuh Berkaitan Masa} + \text{Penganggur} + \text{Potensi Tenaga Buruh}}{\text{Tenaga Buruh} + \text{Potensi Tenaga Buruh}} \times 100$$

Situasi Ketidakcekapan Penggunaan Buruh di Malaysia

Dapatan kajian yang diperoleh daripada indikator ketidakcekapan penggunaan buruh Malaysia menekankan cabaran berterusan dalam memaksimumkan potensi tenaga kerja. Walaupun kadar pengangguran (LU1) secara tradisinya berfungsi sebagai penanda aras utama untuk menilai prestasi pasaran buruh, ia tidak berjaya untuk mengukur keseluruhan cabaran yang dihadapi oleh tenaga kerja, seperti guna tenaga tidak penuh, keperluan pekerjaan yang tidak dipenuhi dan halangan untuk kemasukan tenaga kerja. Memperluaskan rangka kerja analisis untuk merangkumi LU2, LU3 dan LU4 memberikan perspektif yang lebih komprehensif dan menyeluruh mengenai ketidakcekapan pasaran buruh Malaysia. Pendekatan ini memudahkan pembangunan strategi yang bersasar untuk menangani isu-isu ini dengan berkesan. Oleh itu, dapatan ini boleh digunakan sebagai dapatan awalan ketidakcekapan penggunaan buruh di Malaysia (Carta 1e).

Carta 1e: Ketidakekapan Penggunaan Buruh, 15 - 64 tahun, Malaysia, 2019 – 2023



Sumber: Pengiraan penulis daripada Survei

Ketidakekapan Penggunaan Buruh di Negara-Negara Terpilih

Ketidakekapan penggunaan buruh merupakan cabaran besar bagi kebanyakan negara, terutamanya di Asia Tenggara, di mana terdapat pelbagai jenis tenaga kerja yang meliputi pelbagai tahap pekerjaan termasuk pekerjaan formal dan tidak formal. Perbandingan ini mengkaji prestasi pasaran buruh Malaysia dengan tumpuan kepada petunjuk utama ketidakekapan penggunaan buruh (LU1, LU2, LU3, LU4). Dapatan ini juga boleh menunjukkan kedudukan Malaysia berbanding rakan serantau seperti Thailand, Vietnam, Indonesia, Singapore, Australia, Japan dan Brunei Darussalam (**Jadual 1a**).

Jadual 1a: Indikator Ketidakekapan Penggunaan Buruh (LU1 - LU4), 2023

Negara	LU1	LU2	LU3	LU4
Malaysia ¹ (15-64 tahun)	3.4	4.2	4.7	5.6
Thailand ²	0.7	1.2	1.0	1.5
Vietnam ²	1.6	3.4	1.8	3.6
Jepun ²	2.6	6.2	3.4	6.8
Indonesia ²	3.3	8.4	7.7	12.6
Singapura ²	3.4	5.6	5.7	7.8
Australia ²	3.7	9.9	12.4	19.8
Brunei Darussalam ²	5.3	8.3	9.7	12.6

Sumber: 1 Pengiraan penulis daripada Survei Tenaga Buruh, DOSM; 2 ILOSTATS

Kadar pengangguran (LU1) berada pada 3.4 peratus, menunjukkan pasaran buruh yang agak stabil. Kadar ini setanding dengan Singapore (3.4%) dan Indonesia (3.3%) tetapi lebih tinggi daripada Thailand (0.7%) dan Vietnam (1.6%). Walau bagaimanapun, Malaysia mengatasi prestasi Brunei (5.3%) dan Australia (3.7%), menunjukkan peratusan lebih rendah individu yang aktif mencari perkerjaan tetapi tidak berjaya mendapatkan pekerjaan. Kestabilan ini boleh dikaitkan dengan kepelbagaian ekonomi Malaysia yang menyediakan pelbagai peluang pekerjaan berbanding kebergantungan tinggi Brunei kepada industri minyak dan gas (Bank Dunia, 2022). Selain itu, inisiatif kerajaan seperti program peningkatan kemahiran dan dasar padanan pekerjaan telah memainkan peranan penting dalam mengekalkan kadar pengangguran yang stabil. Sebaliknya, Thailand dan Vietnam mendapat manfaat daripada kos buruh yang lebih rendah dan permintaan yang kukuh untuk industri berintensifkan buruh, menyumbang kepada kadar pengangguran mereka yang lebih rendah (ILO, 2023).

Dari segi Guna Tenaga Tidak Penuh Berkaitan Masa (LU2), Malaysia menghadapi cabaran dengan kadar 4.2 peratus, menunjukkan kesukaran untuk mengoptimumkan waktu bekerja bagi mereka yang bekerja sambilan atau tidak formal. Walaupun kadar ini lebih rendah daripada Japan (6.2%), Indonesia (8.4%) dan Australia (9.9%), ia melebihi Thailand (1.2%) dan Vietnam (3.4%). Hal ini menitik beratkan keperluan untuk meningkatkan kualiti pekerjaan dan waktu bekerja yang lebih stabil. Sebahagian besar tenaga kerja Malaysia terlibat dalam pekerjaan tidak formal atau ekonomi gig, yang kebanyakannya tidak mempunyai waktu bekerja yang tetap (ILO, 2023). Selain itu, jurang serantau juga menyumbang kepada guna tenaga tidak penuh berkaitan masa yang lebih tinggi, kerana kawasan luar bandar mempunyai peluang pekerjaan sepenuh masa yang lebih sedikit berbanding pusat bandar. Sebaliknya, ekonomi maju seperti Australia dan Japan mempunyai kadar

guna tenaga tidak penuh yang lebih tinggi disebabkan oleh sektor perkhidmatan mereka yang lebih besar dan budaya kerja sambilan yang lebih lazim (OECD, 2023).

Potensi tenaga buruh (LU3) di Malaysia direkodkan pada 4.7 peratus, menunjukkan terdapat halangan kepada penyertaan tenaga kerja seperti tanggungjawab menjaga dan peluang pekerjaan yang terhad di kawasan luar bandar. Angka ini lebih rendah sedikit daripada Singapore (5.7%) tetapi lebih tinggi daripada Thailand (1.0%) dan Vietnam (1.8%). Berbanding Indonesia (7.7%), Brunei (9.7%) dan Australia (12.4%), Malaysia menunjukkan kedudukan yang lebih baik dalam menangani jurang penyertaan tenaga buruh. Ini boleh dikaitkan dengan usaha untuk meningkatkan penyertaan tenaga buruh wanita melalui dasar seperti pengaturan kerja fleksibel dan sokongan penjagaan kanak-kanak (Bank Dunia, 2022). Selain itu, program pembangunan luar bandar, seperti Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER), telah mewujudkan peluang pekerjaan di kawasan luar bandar, mengurangkan potensi jurang tenaga buruh. Sebaliknya, LU3 Australia yang lebih tinggi didorong oleh populasi menua dan kadar persaraan awal yang lebih tinggi, yang kurang ketara di Malaysia (OECD, 2023).

Akhir sekali, kadar kurang penggunaan buruh komposit (LU4) Malaysia ialah 5.6 peratus, mencerminkan impak gabungan pengangguran, guna tenaga tidak penuh dan potensi tenaga buruh. Malaysia menunjukkan prestasi yang lebih baik daripada Indonesia (12.6%), Brunei (12.6%) dan Australia (19.8%) tetapi kurang baik berbanding Thailand (1.5%) dan Vietnam (3.6%). Kadar ketidakcekan penggunaan buruh yang agak rendah ini boleh dikaitkan dengan daya tahan ekonomi Malaysia, disokong oleh ekonomi yang pelbagai dan sektor eksport yang kukuh, yang telah membantu mengurangkan kesan ketidaktentuan ekonomi global (Bank Dunia, 2022). Dasar pasaran buruh, seperti Dasar Pekerjaan Kebangsaan dan program latihan tenaga kerja, juga telah menyumbang dengan mewujudkan pekerjaan dan meningkatkan kemahiran tenaga kerja. Walau bagaimanapun, kadar LU4 yang lebih rendah di Thailand dan Vietnam didorong oleh kos buruh yang lebih rendah dan permintaan yang tinggi untuk industri berintensifkan buruh, yang kekal sebagai situasi yang perlu ditangani oleh Malaysia dalam membentuk pasaran buruh yang lebih cekap (ILO, 2023).

Pasaran buruh Malaysia mempamerkan kejayaan sederhana dalam menguruskan kurang penggunaan buruh, terutamanya dalam mengekalkan kadar pengangguran yang agak stabil. Walau bagaimanapun, cabaran berterusan dalam menangani pengangguran dan penyertaan tenaga kerja. Mengukuhkan dasar yang menggalakkan kualiti pekerjaan, meningkatkan akses kepada pekerjaan, dan menyokong keterangkuman tenaga kerja akan menjadi penting dalam meningkatkan kecekapan pasaran buruh Malaysia secara keseluruhan.

Kesimpulan

ketidakcekan penggunaan buruh melangkaui pengangguran, merangkumi guna tenaga tidak penuh dan halangan kepada penyertaan tenaga kerja. Menangani cabaran ini memerlukan pendekatan komprehensif yang disesuaikan dengan keadaan pasaran buruh khusus sesebuah negara. Di Malaysia, memanfaatkan dapatan daripada indikator seperti LU1, LU2, LU3 dan LU4 adalah penting untuk memahami dan memaksimumkan potensi tenaga kerja. Survei isi rumah, terutamanya Survei Tenaga Buruh (STB), memainkan peranan penting dalam menghasilkan statistik terperinci mengenai pengangguran, guna tenaga tidak penuh berkaitan masa dan potensi tenaga buruh.

Penguatan pengukuran dan analisis ketidakcekan penggunaan buruh melalui STB akan memberikan dapatan kritikal tentang dinamik pasaran buruh Malaysia. Dapatan ini boleh membantu penggubal dasar dan pihak berkepentingan dalam membangunkan intervensi yang bersasar dalam meningkatkan kecekapan dan keterangkuman tenaga kerja, akhirnya memupuk pertumbuhan ekonomi yang mampan.

Penafian

Pandangan yang dinyatakan adalah pandangan penulis dan tidak semestinya mewakili pandangan Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM).

Pengakuan

Penulis ingin mengucapkan terima kasih yang tulus kepada semua yang memberikan bimbingan dan bantuan pakar sepanjang proses berlangsung. Kami juga amat menghargai rakan-rakan kami di Biro Statistik Buruh Malaysia (MBLS) atas sumbangan berharga mereka dalam menyediakan dan meningkatkan kualiti artikel ini.

Rujukan

Department of Statistics Malaysia. (2023). Labour Force Survey Report. Retrieved from <https://www.dosm.gov.my>

International Labour Organization. (2016). Key Indicators of the Labour Market. Geneva: International Labour Office.

International Labour Organization. (2013). Report II: Statistics of Work, Employment, and Labour Underutilization. 19th International Conference of Labour Statisticians, Geneva.

International Labour Organization. (n.d.). ILOSTAT: Statistics on Unemployment and Supplementary Measures of Labour Underutilization.

International Labour Organization. (2013). Resolution Concerning Statistics of Work, Employment, and Labour Underutilisation. In 19th International Conference of Labour Statisticians, Geneva: ILO.

International Labour Organization (ILO). (2023). Global Employment Trends. Retrieved from <https://www.ilo.org>

Organisation for Economic Co-operation and Development (OECD). (2023). Employment Outlook. Retrieved from <https://www.oecd.org>

World Bank. (2022). Malaysia Economic Monitor: Navigating the Pandemic. Retrieved from <https://www.worldbank.org>

PRESTASI SEKTORAL

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong.



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAIAN MALAYSIA

SOROTAN STATISTIK EKONOMI MALAYSIA

SIRI. 9/2025

PENGELUARAN

Pengeluaran Buah Tandan Segar (Kelapa Sawit)

Ogos 2025: 9,524,839 tan metrik ▼ -3.1%
Julai 2025: 9,290,773 tan metrik ▼ -2.5%

Pengeluaran Getah Asli

Julai 2025: 35,884 tan metrik ▼ -5.5%
Jun 2025: 26,249 tan metrik ▼ -12.2%

Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP)

Julai 2025: ▲ 4.2%
Jun 2025: ▲ 2.9%

Nilai Jualan Sektor Pembuatan

Julai 2025: RM162.5b ▲ 3.5%
Jun 2025: RM161.2b ▲ 3.3%

Nilai Jualan Sektor Perdagangan Borong & Runcit

Julai 2025: RM156.4b ▲ 5.0%
Jun 2025: RM153.0b ▲ 4.8%

SEKTOR LUARAN

Eksport

Ogos 2025: RM131.6b ▲ 1.9%
*Julai 2025: RM140.4b ▲ 6.8%
Jun 2025: RM121.5b ▼ -3.6%

Import

Ogos 2025: RM115.5b ▼ -5.9%
*Julai 2025: RM125.5b ▲ 0.6%
Jun 2025: RM113.1b ▲ 1.3%

*Seperti yang diterbitkan bagi bulan rujukan

HARGA

Indeks Harga Pengguna (IHP)

Ogos 2025: ▲ 1.3%
Julai 2025: ▲ 1.2%
Jun 2025: ▲ 1.1%

Indeks Harga Pengeluar (IHPR)

Ogos 2025: ▼ -2.8%
Julai 2025: ▼ -3.8%
Jun 2025: ▼ -4.2%

PASARAN BURUH

Bilangan Penduduk Bekerja

Julai 2025: 16.95 juta orang ▲ 3.1%
Jun 2025: 16.92 juta orang ▲ 3.0%

Kadar Pengangguran

Julai 2025: 3.0%
Jun 2025: 3.0%

b: bilion

Perubahan Peratusan: Tahun ke Tahun

Sumber: Sorotan Statistik Ekonomi Malaysia, Siri. 9/ 2025,
Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)



@StatsMalaysia




PERTANIAN

Kelapa Sawit

Pengeluaran buah tandan segar pada Ogos 2025 meningkat sebanyak 2.5 peratus kepada 9,524,839 tan metrik berbanding Julai 2025 (9,290,773 tan metrik) (**Carta 3**). Perbandingan tahun ke tahun menunjukkan penurunan 3.1 peratus berbanding Ogos 2024 (9,833,812 tan metrik).

Carta 3: Pengeluaran Buah Tandan Segar, Januari 2024 - Ogos 2025



Sumber: Lembaga Minyak Sawit Malaysia

Purata hasil buah tandan segar oleh estet-estet kelapa sawit pada Ogos 2025 meningkat 6.5 peratus kepada 1.63 tan metrik/ha berbanding Julai 2025 (1.53 tan metrik/ha) (Jadual 3). Purata hasil di Semenanjung Malaysia meningkat 0.5 peratus kepada 1.90 tan metrik/ha (Julai 2025: 1.89 tan metrik/ha) dan Sabah / Sarawak mencatatkan peningkatan sebanyak 12.9 peratus kepada 1.40 tan metrik/ha (Julai 2025: 1.24 tan metrik/ha)


Jadual 3: Purata Penghasilan Buah Tandan Segar Mengikut Wilayah, Januari 2024 – Ogos 2025 (Tan metrik/Ha)

Wilayah	2024												2025							
	Jan	Feb	Mac	Apr	Mei	Jun	Jul	Ogos	Sep	Okt	Nov	Dis	Jan	Feb	Mac	Apr	Mei	Jun	Jul	Ogos
Malaysia	1.25	1.09	1.17	1.27	1.43	1.40	1.56	1.65	1.57	1.55	1.42	1.34	1.15	1.06	1.20	1.48	1.48	1.45	1.53	1.63
Semenanjung Malaysia	1.29	1.16	1.30	1.43	1.66	1.61	1.81	1.89	1.76	1.63	1.51	1.38	1.16	1.08	1.26	1.64	1.64	1.67	1.89	1.90
Sabah/ Sarawak	1.22	1.03	1.07	1.14	1.25	1.23	1.36	1.45	1.42	1.48	1.35	1.30	1.14	1.05	1.15	1.35	1.36	1.27	1.24	1.40

Sumber: Lembaga Minyak Sawit Malaysia

Pengeluaran minyak sawit mentah dan isirung sawit masing-masing meningkat 2.3 peratus (Ogos 2025: 1,855,008 tan metrik, Julai 2025: 1,812,417 tan metrik) dan 2.7 peratus (Ogos 2025: 443,077 tan metrik, Julai 2025: 431,615 tan metrik). Pengeluaran minyak isirung sawit mentah dan dedak isirung sawit masing-masing menurun 4.4 peratus (Ogos 2025: 208,655 tan metrik, Julai 2025: 218,239 tan metrik) dan 4.6 peratus (Ogos 2025: 227,473 tan metrik, Julai 2025: 238,511 tan metrik).


Carta 4: Pengeluaran Produk Utama Kelapa Sawit, Januari 2024 - Ogos 2025



Sumber: Lembaga Minyak Sawit Malaysia

Eksport minyak sawit menurun 0.3 peratus (Ogos 2025: 1,324,672 tan metrik, Julai 2025: 1,328,547 tan metrik) manakala eksport minyak isirung sawit menunjukkan trend peningkatan dengan mencatatkan 22.9 peratus (Ogos 2025: 110,656 tan metrik, Julai 2025: 90,028 tan metrik). Bagaimanapun, dedak isirung sawit menurun 30.8 peratus (Ogos 2025: 175,874 tan metrik, Julai 2025: 254,239 tan metrik).


Carta 5: Eksport Produk Utama Minyak Sawit, Januari 2024 - Ogos 2025



Sumber: Lembaga Minyak Sawit Malaysia

Import minyak sawit menurun 19.7 peratus kepada 49,036 tan metrik pada Ogos 2025 berbanding 61,039 tan metrik yang direkodkan pada bulan sebelumnya. Import minyak isirung sawit turut menunjukkan penurunan sebanyak 42.6 peratus kepada 14,082 tan metrik (Julai 2025: 24,516 tan metrik).

Carta 6: Import mengikut Produk Kelapa Sawit, Januari 2024 - Ogos 2025



Sumber: Lembaga Minyak Sawit Malaysia

PERTANIAN

Stok simpanan minyak sawit Malaysia melonjak kepada 2.20 juta tan pada Ogos 2025, paras tertinggi dalam tempoh 20 bulan, didorong oleh pengeluaran bermusim yang mencecah 1.86 juta tan. Walau bagaimanapun, eksport kekal perlahan pada 1.32 juta tan, mencatat penurunan 14 peratus berbanding tempoh sama tahun lalu.

Menurut laporan penyelidikan Maybank Investment Bank, lebih bekalan ini dijangka memberi tekanan kepada harga minyak sawit mentah dalam tempoh terdekat, terutamanya jika eksport tidak menunjukkan peningkatan yang ketara menjelang akhir September. Keadaan cuaca domestik yang menggalakkan, bersama-sama dengan pengeluaran kacang soya dan jagung yang kukuh di United States, memperluaskan lagi bekalan minyak sayuran global, sekali gus meningkatkan persaingan kepada minyak sawit.


Maybank Investment Bank mengekalkan pendirian "Neutral" terhadap sektor perladangan, dengan menyatakan bahawa harga semasa akan membantu mengekalkan daya saing minyak sawit di pasaran antarabangsa, sementara pengeluar perlu memberi tumpuan kepada pengurusan kos dan produktiviti.

Sumber: 'Simpanan minyak sawit Malaysia di paras tertinggi 20 bulan', BH online 11 September 2025

Getah

Pengeluaran getah asli meningkat 36.7 peratus pada Julai 2025 (35,884 tan metrik) berbanding pada Jun 2025 (26,249 tan metrik) seperti ditunjukkan pada Carta 7. Perbandingan tahun ke tahun menunjukkan pengeluaran getah asli menurun 5.5 peratus (Julai 2024: 37,960 tan metrik).

Carta 7: Pengeluaran Getah Asli, Januari 2024 –Julai 2025




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Sektor kebun kecil merupakan penyumbang utama kepada pengeluaran getah asli pada Julai 2025 iaitu 86.8 peratus (31,138 tan metrik) dan selebihnya adalah dari sektor estet, 13.2 peratus (4,745 tan metrik). Perbandingan bulan ke bulan bagi pengeluaran di sektor kebun kecil meningkat 39.5 peratus dan sektor estet juga mencatatkan peningkatan 20.9 peratus. Manakala pengeluaran sektor kebun kecil menurun 6.3 peratus dan pengeluaran di estet menunjukkan peningkatan sebanyak 0.3 peratus berbanding Julai 2024.

Analisis perbandingan harga purata bulanan menunjukkan Lateks Pekat merekodkan peningkatan iaitu 2.3 peratus (Julai 2025: 571.30 sen sekilogram; Jun 2025: 558.66 sen sekilogram) manakala Sekerap meningkat sebanyak 4.0 peratus (Julai 2025: 586.68 sen sekilogram; Jun 2025: 564.13 sen sekilogram). Trend harga bagi semua jenis Getah Mutu Malaysia (G.M.M) pula menunjukkan peningkatan antara 2.3 peratus dan 8.8 peratus.

The World Bank Commodity Price Data melaporkan harga bagi getah jenis TSR 20 (Technically Specified Rubber) meningkat 4.4 peratus daripada USD1.61/kg kepada USD1.68/kg dan SGP/MYS (Singapore/Malaysia) meningkat 3.3 peratus (daripada USD2.16/kg kepada USD2.23/kg).


Carta 8: Harga Purata Bulanan Bagi Getah Asli, Julai 2024, Jun dan Julai 2025



Sumber: Lembaga Getah Malaysia

Jumlah stok getah asli pada Julai 2025 meningkat 1.6 peratus kepada 171,061 tan metrik berbanding 168,448 tan metrik pada Jun 2025. Perbandingan tahun ke tahun stok getah asli menunjukkan meningkat 15.5 peratus berbanding 148,106 tan metrik yang dicatatkan pada Julai 2024.


Carta 9: Stok Getah Asli, Januari 2024 – Julai 2025



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Penggunaan domestik getah asli menunjukkan peningkatan 15.8 peratus kepada 22,446 tan metrik berbanding 19,386 tan metrik pada Jun 2025. Penggunaan pada asas tahunan juga menunjukkan peningkatan 6.7 peratus (Julai 2024: 21,039 tan metrik).

Carta 10: Penggunaan Domestik, Januari 2024 – Julai 2025



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Eksport getah asli Malaysia berjumlah 37,198 tan metrik pada Julai 2025, meningkat 25.2 peratus berbanding Jun 2025 (29,719 tan metrik). China terus kekal sebagai destinasi utama untuk eksport getah asli iaitu menyumbang 47.3 peratus daripada jumlah keseluruhan eksport pada Julai 2025 diikuti Germany (15.0%), India (6.7%), United States of America (6.1%) dan Egypt (3.0%).

Prestasi eksport disumbangkan oleh produk berasaskan getah asli seperti sarung tangan getah, tayar, tiub dan benang getah. Produk sarung tangan getah merupakan eksport utama dengan nilai sebanyak RM1.3 billion pada Julai 2025, meningkat 49.3 peratus berbanding Jun 2025 (RM0.9 billion). Negara destinasi eksport utama sarung tangan getah ialah U.S.A (26,509.9 tan metrik), China (2,555.9 tan metrik) dan Japan (2,383.2 tan metrik) seperti ditunjukkan pada Jadual 4.

Jadual 4: 10 Negara Eksport Tertinggi Sarung Tangan Getah, Jun dan Julai 2025

Negara	Kuantiti (Tan metrik)		Nilai (RM juta)	
	Jun 2025	Julai 2025	Jun 2025	Julai 2025
United States	16,759.7	26,509.9	460,979.0	659,886.5
China	1,482.8	2,555.9	26,707.5	41,964.9
Japan	1,992.7	2,383.2	57,640.2	69,190.5
India	1,677.6	2,220.2	23,071.5	29,287.9
Germany	1,725.1	1,991.4	44,905.0	51,860.2
Turkiye	345.0	1,632.0	9,047.2	28,734.2
Canada	674.8	1,117.8	20,553.2	29,985.0
Australia	584.5	946.1	16,005.4	24,561.0
Korea, Republic Of	684.4	843.7	18,110.2	21,108.4
United Kingdom	793.3	837.7	20,126.1	22,941.2


Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Menurut Malaysia Rubber Board Digest keluaran Julai 2025, Pasaran Getah Kuala Lumpur dilihat meningkat pada Julai sebelum beransur-ansur menurun menjelang akhir bulan. Peningkatan sepanjang bulan ini didorong oleh faktor-faktor yang antaranya kebimbangan bekalan getah asli berikutan hujan lebat di wilayah pengeluar utama, peningkatan permintaan, kemajuan positif dalam perjanjian perdagangan United States Syarikat dan keyakinan terhadap usaha rangsangan China. Sentimen pasaran juga meningkat oleh permintaan getah sederhana yang dijangkakan oleh Persatuan Negara Pengeluar Getah Asli (ANRPC) dan perkembangan dalam industri automobil global.

Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP)

Indeks Pengeluaran Perindustrian meningkat 4.2 peratus pada Julai 2025 selepas merekodkan pertumbuhan sederhana 2.9 peratus pada bulan sebelumnya. Pengembangan ini disokong terutamanya oleh sektor Pembuatan yang meningkat 4.4 peratus (Jun 2025: 3.6%), sementara sektor Perlombongan memulih kepada 4.3 peratus (Jun 2025: -0.01%). Selain itu, sektor Elektrik bertumbuh sebanyak 1.6 peratus, kekal positif walaupun pada kadar yang lebih perlahan berbanding 2.3 peratus pada Jun 2025. Berbanding bulan sebelumnya, IPP menurun mencatatkan pertumbuhan negatif 0.3 peratus, berbeza dengan pertumbuhan positif 7.5 peratus yang direkodkan pada bulan sebelumnya.

Carta 11: Indeks Pengeluaran Perindustrian (Tahun ke Tahun), Januari 2024 – Julai 2025



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Peningkatan dalam output Pembuatan pada Julai 2025 disokong oleh pengeluaran yang lebih tinggi dalam industri berorientasikan eksport, berkembang sebanyak 4.1 peratus berbanding 2.9 peratus yang direkodkan pada Jun 2025. Kenaikan tersebut diterajui terutamanya oleh Pembuatan komputer, produk elektronik & optikal; dan Pembuatan jentera & peralatan t.t.t.l. yang mencatatkan peningkatan masing-masing sebanyak 8.5 peratus dan 10.2 peratus. Tambahan lagi, Pembuatan perabot juga mengalami lonjakan sebanyak 11.1 peratus pada bulan tersebut. Pengembangan tahun ke tahun ini adalah selari dengan prestasi eksport barangan perkilangan negara yang bertambah baik dengan mencatatkan pertumbuhan negatif yang lebih kecil iaitu 1.5 peratus pada Julai 2025. Perbandingan bulan ke bulan, industri berorientasikan eksport jatuh 2.2 peratus berbanding pertumbuhan positif 11.9 peratus pada Jun 2025.

Sementara itu, industri berorientasikan domestik kekal stabil pada 5.0 peratus berbanding 5.1 peratus yang direkodkan pada Jun 2025. Prestasi yang berterusan ini disumbangkan oleh momentum positif yang direkodkan dalam kesemua subsektor kecuali bagi Pembuatan kertas & produk kertas yang mencatatkan penurunan 2.1 peratus pada Julai 2025. Pembuatan pengeluaran berkaitan aktiviti pembinaan iaitu Pembuatan logam asas; dan Pembuatan produk logam yang direka, kecuali mesin & kelengkapan masing-masing meningkat 7.4 peratus dan 4.1 peratus. Berbanding bulan sebelumnya, industri berorientasikan domestik meningkat semula 1.0 peratus berbanding negatif 3.1 peratus yang dicatatkan pada Jun 2025.

Pengeluaran sektor Perlombongan meningkat 4.3 peratus pada Julai 2025 disokong oleh kenaikan dalam kedua-dua komponen iaitu indeks Minyak Mentah & Kondensat pulih 1.0 peratus (Jun 2025: -3.2%), diikuti oleh indeks Gas Asli yang terus berkembang 6.8 peratus (Jun 2025: 2.3%). Berbanding bulan sebelumnya, indeks Perlombongan menyederhana kepada pertumbuhan 2.2 peratus, lebih rendah daripada 15.8 peratus yang direkodkan pada Jun 2025. Sementara itu, penjanaan Elektrik bertumbuh 1.6 peratus tahun ke tahun pada Julai 2025 (Jun 2025: 2.3%). Berbanding bulan sebelumnya, indeks Elektrik memulih kepada positif 5.5 peratus (Jun 2025: -4.6%).

Melihat kepada prestasi beberapa negara lain, IPP terus meningkat termasuk Vietnam (11.8%), Korea, Republic of (5.0%) dan United States Syarikat (1.4%). Sebaliknya, Japan dan Thailand masing-masing mengalami kemerosotan 0.9 peratus dan 4.0 peratus pada Julai 2025.

INDUSTRI DAN PEMBUATAN


Mengenai prestasi IPP bagi tujuh bulan pertama tahun 2025, IPP bertumbuh pada kadar lebih sederhana iaitu 2.4 peratus berbanding tempoh yang sama tahun sebelumnya (Januari - Julai 2024: 4.0%) dipengaruhi oleh indeks Pembuatan (4.1%). Sebaliknya, Perlombongan dan indeks Elektrik masing-masing merekodkan penurunan 3.2 peratus dan 0.4 peratus.

Pembuatan

Nilai jualan sektor Pembuatan meningkat 3.5 peratus tahun ke tahun (Jun 2025: 3.3%), berjumlah RM162.5 bilion pada Julai 2025. Peningkatan nilai jualan dalam sektor Pembuatan disumbangkan terutamanya oleh subsektor Makanan, minuman & tembakau, berkembang 8.9 peratus pada Julai 2025 (Jun 2025: 14.7%). Pertumbuhan ini turut disokong lagi oleh subsektor Peralatan elektrik & elektronik dan Produk mineral bukan logam, logam asas & produk logam, yang masing-masing meningkat sebanyak 6.9 peratus (Jun 2025: 4.5%) dan 3.8 peratus (Jun 2025: 3.0%). Pada masa yang sama, nilai jualan meningkat 0.8 peratus, mencapai RM162.5 bilion berbanding RM161.2 bilion yang direkodkan pada bulan sebelumnya.

Pertumbuhan nilai jualan bagi industri berorientasikan eksport yang mewakili 71.7 peratus daripada jumlah jualan, tumbuh 2.7 peratus pada Julai 2025 (Jun 2025: 2.4%). Prestasi ini terutama disokong oleh peningkatan sebanyak 6.3 peratus dalam Pembuatan minyak & lemak daripada sayuran & haiwan (Jun 2025: 15.9%). Sementara itu, Pembuatan komputer, produk elektronik & optikal tumbuh 6.9 peratus (Jun 2025: 3.8%), dan Pembuatan jentera dan peralatan t.t.t.l. meningkat sebanyak 12.4 peratus (Jun 2025: 10.5%). Berbanding bulan sebelumnya, industri berorientasikan eksport susut sedikit sebanyak 0.3 peratus (Jun 2025: 4.1%).

Carta 12: Nilai Jualan Sektor Pembuatan, Januari 2024 – Julai 2025



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Begitu juga, industri berorientasikan domestik kekal pada pertumbuhan stabil 5.6 peratus pada Julai 2025. Prestasi ini disokong oleh pertumbuhan kukuh dalam Pembuatan produk pemprosesan makanan pada 12.7 peratus (Jun 2025: 14.0%); serta dalam industri Pembuatan logam asas (7.2%); dan Pembuatan produk logam kecuali mesin & kelengkapan (4.0%). Walaubagaimana pun, industri berorientasikan domestik meningkat 3.8 peratus berbanding bulan sebelumnya.

Sejumlah 2.4 juta orang pekerja direkodkan dalam sektor ini pada Julai 2025, bertambah sebanyak 1.1 peratus (Jun 2025: 1.0%). Pertambahan ini dipacu terutamanya oleh subsektor Makanan, minuman & tembakau (2.0%); Produk mineral bukan logam, logam asas & produk logam yang direka (1.4%); dan Peralatan elektrik & elektronik (1.4%). Berasaskan bulan ke bulan, bilangan pekerja dalam sektor ini meningkat 0.2 peratus.

Seiring dengan itu, gaji & upah yang dibayar dalam sektor Pembuatan berkembang sebanyak 2.3 peratus (Jun 2025: 1.6%), berjumlah RM8.31 bilion pada Julai 2025. Berbanding bulan sebelumnya, gaji & upah yang dibayar menurun 0.2 peratus berbanding RM8.33 bilion yang direkodkan pada bulan sebelumnya. Selanjutnya, nilai jualan bagi setiap pekerja mencatatkan RM67,833 (2.3%), manakala purata gaji & upah bagi setiap pekerja adalah RM3,469, meningkat 1.2 peratus tahun ke tahun.

Bagi tempoh dari Januari sehingga Julai 2025, sektor Pembuatan merekodkan jualan kumulatif sebanyak RM1.1 trilion, tumbuh 3.7 peratus berbanding tempoh yang sama tahun 2024 (Januari – Julai 2024: 4.5%). Bilangan pekerja meningkat sebanyak 1.1 peratus kepada 2.4 juta orang, manakala gaji & upah meningkat 1.9 peratus kepada RM58.5 bilion. Selain itu, nilai jualan setiap pekerja berjumlah RM466,735, tumbuh 2.5 peratus

PERDAGANGAN BORONG & RUNCIT

Pengenalan

Perdagangan borong & runcit merekodkan jumlah jualan sebanyak RM156.4 bilion pada Julai, mencatatkan pertumbuhan tahun ke tahun 5.0 peratus. Pertumbuhan ini disokong oleh prestasi merantasi subsektor utamanya. Perdagangan borong mendahului pertumbuhan, diikuti oleh peningkatan dalam Perdagangan runcit dan Kenderaan bermotor. Prestasi Nilai Jualan Mei 2025

Prestasi Nilai Jualan Julai 2025

Perdagangan borong mencatatkan jumlah jualan sebanyak RM70.1 bilion pada bulan ini, peningkatan RM3.6 bilion, mencerminkan pertumbuhan tahun ke tahun 5.4 peratus. Sementara itu, Perdagangan runcit merekodkan jumlah jualan sebanyak RM67.0 bilion, peningkatan RM3.5 bilion dengan pertumbuhan tahun ke tahun 5.6 peratus. Subsektor Kenderaan bermotor pula mencatatkan jumlah jualan sebanyak RM19.3 bilion, pertambahan RM0.3 bilion atau 1.6 peratus tahun ke tahun (Jadual 5).

Bagi perbandingan bulanan, nilai jualan Perdagangan borong & runcit kembali pulih dengan 2.3 peratus, disokong oleh Kenderaan bermotor (12.9%) dan Perdagangan borong (2.7%).

Paparan 1. Prestasi Nilai Jualan dan Indeks Volum Perdagangan Borong & Runcit, Julai 2025

SUBSEKTOR	Nilai Jualan			Indeks Volum (2015=100)				
	RM Bilion	% Perubahan		Asal	% Perubahan		Pelarasan Musim (SA)	% Perubahan
		YoY	MoM		YoY	MoM		
	Julai 2025			Julai 2025			Julai 2025	MoM (SA)
PERDAGANGAN BORONG & RUNCIT	156.4	5.0	2.3	165.4	4.6	1.9	168.6	2.8
 PERDAGANGAN BORONG	70.1	5.4	2.7	154.6	5.9	2.4	155.6	2.8
 PERDAGANGAN RUNCIT	67.0	5.6	-0.8	185.8	4.4	-0.7	188.3	0.4
 KENDERAAN BERMOTOR	19.3	1.6	12.6	142.4	0.9	12.9	163.3	15.6


Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Prestasi Perdagangan Borong

Peningkatan 5.4 peratus dalam Perdagangan borong didorong terutamanya oleh Lain-lain pengkhususan jualan borong yang meningkat 4.0 peratus kepada RM25.8 bilion. Ini diikuti oleh Jualan borong barangan isi rumah (6.7%), Jualan borong makanan, minuman & tembakau (6.6%), Jualan borong jentera, peralatan & bekalan (5.9%), Jual borong bahan mentah pertanian & haiwan hidup (4.7%) dan Perdagangan borong tanpa pengkhususan (5.8%) (Carta 13).

Bagi perbandingan bulanan, Perdagangan borong meningkat 2.7 peratus, disumbangkan oleh Lain-lain pengkhususan jualan borong (4.1%), Jualan borong jentera, peralatan & bekalan (7.4%) dan Jualan borong barangan isi rumah (2.3%).

Carta 13: Prestasi Subsektor Perdagangan Borong, Julai 2025




Prestasi Perdagangan Runcit

Subsektor Perdagangan runcit merekodkan pertumbuhan 5.6 peratus pada Julai 2025, disokong oleh peningkatan 5.5 peratus dalam Jualan runcit di kedai bukan pengkhususan yang mencapai RM25.8 bilion. Penyumbang lain kepada pertumbuhan ini termasuk Jualan runcit di kedai pengkhususan (7.6%), Jualan runcit bahan api kenderaan (6.6%), Jualan runcit peralatan isi rumah (3.6%), Jualan runcit makanan, minuman & tembakau (6.1%) dan Jualan runcit peralatan komunikasi & maklumat (3.3%) seperti yang ditunjukkan di **Carta 14**.

Walau bagaimanapun, bagi prestasi bulan ke bulan, Perdagangan runcit mengalami kemerosotan -0.8 peratus. Penurunan ini dipengaruhi oleh pertumbuhan negatif dalam beberapa kumpulan, iaitu Jualan runcit di kedai bukan pengkhususan (-1.5%), Jualan runcit di kedai pengkhususan (-2.2%), Jualan runcit makanan, minuman & tembakau (-2.0%) dan Jualan runcit peralatan isi rumah (-1.1%).

Carta 14: Prestasi Subsektor Perdagangan Runcit, Julai 2025




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Prestasi Kenderaan Bermotor

Subsektor Kenderaan bermotor merekodkan jumlah jualan sebanyak RM19.3 bilion, mencerminkan peningkatan tahun ke tahun 1.6 peratus. Pertumbuhan ini didorong oleh Penyelenggaraan & pembaikan kenderaan bermotor yang meningkat 6.2 peratus kepada RM2.9 bilion. Ini diikuti oleh Jualan komponen & aksesori kenderaan bermotor (2.9%) dan Jualan, penyelenggaraan & pembaikan motosikal (7.5%) seperti di **Carta 3**.

Bagi perbandingan bulanan, jualan bagi subsektor ini kembali pulih dengan 12.6 peratus, dipacu terutamanya oleh Jualan kenderaan bermotor yang melonjak 23.8 peratus berbanding bulan sebelumnya.

Carta 15: Prestasi Subsektor Kenderaan Bermotor, Julai 2025




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Prestasi Indeks Volum

Dari segi indeks volum, Perdagangan borong & runcit pada Julai 2025 mencatatkan pertumbuhan 4.6 peratus tahun ke tahun untuk mencapai 165.4 mata. Pertumbuhan ini didorong oleh Perdagangan borong yang meningkat 5.9 peratus, diikuti oleh Perdagangan runcit (4.4%) dan Kenderaan bermotor (0.9%). Selepas pelarasan musim, indeks meningkat 2.8 peratus kepada 168.6 mata berbanding bulan sebelumnya (**Carta 16**).

Carta 16: Prestasi Indeks Volum Sektor Perdagangan Borong & Runcit, Januari 2024-Julai 2025



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Prestasi Indeks Jualan Runcit bagi Negara-Negara Terpilih

Jadual 5: Nilai Jualan Bagi Negara-Negara Terpilih, Julai 2025 (Tahun ke Tahun)

Taiwan	Hong Kong	United Kingdom	Korea Selatan	Singapura	Indonesia
-4.4	1.8	0.4	2.4	4.1	4.8

Pada Julai 2025, indeks jualan runcit menunjukkan prestasi berbeza-beza bagi negara-negara terpilih (Jadual 6). Indonesia mencatatkan pertumbuhan tertinggi iaitu 4.8 peratus, sebahagian besarnya disokong oleh jualan kukuh bagi alat ganti & aksesori, makanan, minuman & tembakau serta bahan api kenderaan. Singapore pula merekodkan peningkatan sebanyak 4.1 peratus, didorong oleh permintaan kukuh terhadap peralatan computer & telekomunikasi, jam tangan & barang kemas, serta pembelian di pasar raya & pasar raya besar.

Korea, Republic of mencatatkan peningkatan sebanyak 2.4 peratus, disokong oleh jualan lebih tinggi bagi peralatan telekomunikasi & komputer, pakaian, barangan rekreasi, makanan, farmaseutikal dan alat tulis. Hong Kong pula berkembang sebanyak 1.8 peratus, dibantu oleh pemulihan dalam jualan barangan mewah & kosmetik seiring dengan pemulihan sektor pelancongan. United Kingdom mencatatkan pertumbuhan sederhana sebanyak 0.4 peratus, dengan peningkatan jualan makanan & barangan keperluan lain sebahagiannya diimbangi oleh jualan pakaian & barangan isi rumah yang lebih lemah.

Walau bagaimanapun, Taiwan, Province of China mengalami penyusutan ketara sebanyak -4.4 peratus, terutamanya disebabkan oleh jualan barangan elektronik dan isi rumah yang lembap, mencerminkan kesan eksport teknologi yang lemah serta perbelanjaan pengguna yang lebih berhati-hati.

Prospek Ogos 2025

Sektor Perdagangan borong & runcit di Malaysia dijangka meneruskan momentum pertumbuhannya pada Ogos 2025, disokong oleh beberapa faktor yang merangsang permintaan. Cuti umum sempena Hari Merdeka dijangka menggalakkan perbelanjaan yang lebih tinggi, khususnya dalam makanan, minuman, perjalanan serta pembelian berkaitan isi rumah. Selain itu, program bantuan MySara sebanyak RM100 secara sekali bayar mulai 31 Ogos dijangka memberi lonjakan kepada aktiviti runcit, khususnya dalam kalangan isi rumah berpendapatan rendah hingga sederhana. Sokongan tambahan turut datang daripada Kepengerusian ASEAN 2025 oleh Malaysia, yang dijangka merangsang permintaan dalam sektor hospitaliti, perkhidmatan berkaitan pelancongan serta segmen runcit yang memenuhi keperluan pengunjung domestik dan antarabangsa.


Perdagangan Barangan

Prestasi dagangan Malaysia kembali mencatat trend positif pada Julai 2025, disokong oleh peningkatan eksport yang mencatat pertumbuhan kukuh 6.8 peratus tahun ke tahun. Seiring itu, import turut bertambah tetapi pada kadar lebih perlahan, naik 0.6 peratus secara tahunan. Susulan itu, jumlah dagangan meningkat kepada RM265.9 bilion berbanding RM256.2 bilion pada Julai 2024. Dari segi perbandingan bulan ke bulan, eksport, import, jumlah dagangan dan lebihan dagangan masing-masing merekodkan pertumbuhan memberangsangkan, dengan kenaikan 15.5 peratus, 10.9 peratus, 13.3 peratus dan 78.2 peratus.

Dariperspektifrakandagangan,prestasi eksportMalaysiapadaJulai2025mencatatmomentumpeningkatan,dipacu terutamanya ke Singapore dengan pertambahan RM4.7 bilion. Peningkatan ini turut disumbangkan oleh Taiwan, Province of China (+RM2.5 bilion), Mexico (+RM1.0 bilion), China (+RM1.0 bilion) dan United States Syarikat (AS) (+RM0.7 bilion). Seiring dengan trend eksport, import turut menunjukkan perkembangan meskipun pada kadar lebih sederhana khususnya daripada Taiwan, Province of China (+RM5.2 bilion), diikuti oleh China (+RM1.7 bilion), Korea, Republic of (+RM1.6 bilion), Vietnam (+RM0.8 bilion) dan Oman (+RM0.6 bilion). Secara keseluruhan, perdagangan Malaysia pada Julai 2025 kekal dipacu oleh rakan dagangan utama iaitu China, Singapore, AS, Taiwan, Province of China dan Kesatuan Eropah (EU), dengan jumlah sumbangan 58.9 peratus (Julai 2024: 56.9%).

Prestasi eksport barangan Malaysia menunjukkan trend pemulihan dengan pertumbuhan sederhana 6.8 peratus tahun ke tahun pada Julai 2025, meningkat daripada RM131.5 bilion pada bulan yang sama tahun sebelumnya kepada RM140.4 bilion. Peningkatan ini didorong terutamanya oleh Barangan elektrik & elektronik (E&E), yang mengekalkan pertumbuhan tahunan positif sejak Julai 2024, merekodkan pertumbuhan dua digit sebanyak 22.5 peratus kepada RM63.3 bilion pada Julai 2025. Selain itu, Batang pipih, batang bulat daripada besi & keluli dan Kayu & hasil keluaran kayu turut menyumbang kepada peningkatan eksport, masing-masing meningkat RM248.8 juta (+35.7%) dan RM127.2 juta (+6.8%). Namun, Keluaran petroleum bertapis terus mencatatkan penurunan ketara, susut RM3.0 bilion (-28.9%). Minyak kelapa sawit & hasil keluaran berasaskan minyak kelapa sawit juga menurun daripada RM10.8 bilion pada Julai tahun lalu kepada RM10.4 bilion dengan kadar pertumbuhan tahunan merosot -3.7 peratus seperti ditunjukkan dalam Carta i. Secara keseluruhan, Barangan E&E, Minyak kelapa sawit & hasil keluaran berasaskan minyak kelapa sawit dan Keluaran petroleum bertapis merupakan produk eksport utama Malaysia pada Julai 2025, dengan sumbangan agregat 57.7 peratus (Julai 2024: 55.4%).


Carta 17: Perubahan Peratusan Tahunan (%) 10 Barangan Utama dan Terpilih bagi Eksport Malaysia, Julai 2025



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Import barangan Malaysia mengekalkan momentum pertumbuhan pada Julai 2025, namun pada kadar kenaikan sederhana 0.6 peratus kepada RM125.5 bilion berbanding RM124.7 bilion pada Julai 2024. Peningkatan import ini didorong terutamanya oleh Barangan E&E, yang kekal sebagai penyumbang utama dengan pertumbuhan 12.4 peratus tahun ke tahun kepada RM 48.6 bilion pada Julai 2025. Pada masa yang sama, Petroleum mentah, Pesawat udara, kelengkapan & alat ganti dan Emas, bukan bentuk wang kini turut beralih trend daripada negatif kepada positif, masing-masing mencatatkan peningkatan RM771.2 juta (+15.9%), RM522.0 juta (+49.2%) dan RM134.0 juta (+9.7%) (Carta ii). Sementara itu, Keluaran petroleum bertapis terus mengekalkan trend penurunan selama dua belas bulan berturut-turut dengan penyusutan lebih drastik RM2.0 bilion (-18.8%). Secara keseluruhan, Barangan E&E, Keluaran petroleum bertapis dan Petroleum mentah kekal menjadi penyumbang utama kepada import barangan Malaysia pada Julai 2025, dengan sumbangan kumulatif 50.0 peratus (Julai 2024: 46.9%).


Carta 18: Perubahan Peratusan Tahunan (%) 10 Barangan Utama dan Terpilih bagi Import Malaysia, Julai 2025



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Seiring dengan prestasi bercampur-campur perdagangan global semasa, Prestasi Malaysia bersama rakan dagang turut tidak terkecuali, menunjukkan pola yang sama seperti ditunjukkan dalam **Carta 19**.

Carta 19: Perubahan Peratusan Tahunan (%) bagi Eksport dan Import 10 Rakan Dagangan Utama Malaysia, Julai 2025



Sumber: Laman web rasmi agensi statistik negara terpilih

Prestasi perdagangan Malaysia menunjukkan tidak stabil pada Ogos 2025 dengan prestasi yang sedikit merudum 1.9 peratus, tahun ke tahun. Walaupun begitu, eksport masih berada dalam trajektori positif, naik 1.9 peratus, manakala import susut 5.9 peratus. Seiring itu, imbalan dagangan merekodkan lebih ketara sebanyak 153.8 peratus berbanding tempoh yang sama tahun sebelumnya kepada RM16.1 bilion. Perbandingan bulan ke bulan, eksport, import dan jumlah dagangan masing-masing menguncup sebanyak 6.3 peratus, 8.0 peratus dan 7.1 peratus, manakala lebih dagangan berkembang 7.7 peratus.


Statistik perdagangan antarabangsa mengikut negeri bagi bulan rujukan Julai 2025 menunjukkan jumlah dagangan meningkat RM9.7 bilion atau 3.8 peratus kepada RM265.9 bilion, tahun ke tahun. Peningkatan jumlah dagangan disumbangkan oleh Pulau Pinang meningkat sebanyak 12.8 bilion (+18.4%), diikuti oleh Johor RM2.9 bilion (+5.2%), W.P. Kuala Lumpur RM2.7 bilion (+18.7%), Selangor RM1.7 bilion (+3.0%), Perak RM709.8 juta (+9.9%), Sabah RM529.8 juta (+15.2%) dan W.P. Labuan RM152.1 juta (+23.4%). Walau bagaimanapun, jumlah dagangan menurun di Kedah RM3.9 bilion (-30.8%), Sarawak RM2.1 bilion (-16.8%), Melaka RM1.8 bilion (-29.7%), Pahang RM1.0 bilion (-21.2%), Terengganu RM639.1 juta (-27.6%), Negeri Sembilan RM478.1 juta (-8.3%), Kelantan RM123.4 juta (-22.2%) dan Perlis RM73.3 juta (-26.1%).

Jumlah eksport pada bulan Julai 2025 meningkat sebanyak RM8.9 bilion (+6.8%) berbanding bulan yang sama tahun sebelumnya. Peningkatan eksport dipengaruhi oleh eksport yang lebih tinggi di kebanyakan negeri iaitu Pulau Pinang (+RM11.3 bilion), Johor (+RM1.3 bilion), Selangor (+RM1.2 bilion), Sabah (+RM372.7 juta), W.P. Labuan (+RM233.3 juta), Negeri Sembilan (+RM172.8 juta), Perak (+RM104.1 juta) dan Perlis (+RM21.0 juta). Walau bagaimanapun, nilai eksport menurun di Kedah sebanyak RM2.0 bilion, Sarawak (-RM1.3 bilion), W.P. Kuala Lumpur (-RM755.9 juta), Terengganu (-RM594.4 juta), Pahang (-RM191.1 juta), Kelantan (-RM122.5 juta) dan Melaka (RM76.1 juta), seperti ditunjukkan pada Paparan 1.

Pada masa yang sama, import pada bulan Julai 2025 meningkat RM753.5 juta (+0.6%) berbanding bulan yang sama pada tahun 2024. Peningkatan import disebabkan oleh import yang lebih tinggi di W.P. Kuala Lumpur (+RM3.4 bilion), Johor (+RM1.6 bilion), Pulau Pinang (+RM1.4 bilion), Perak (+RM605.7 juta), Selangor (+RM481.1 juta) dan Sabah (+RM157.1 juta). Walau bagaimanapun, nilai import menurun di Kedah sebanyak RM1.9 bilion, Melaka (-RM1.8 bilion), Pahang (-RM856.1 juta), Sarawak (-RM790.4 juta), Negeri Sembilan (-RM650.8 juta), Perlis (-RM94.3 juta), W.P. Labuan (-RM81.2 juta), Terengganu (-RM44.7 juta) dan Kelantan (-RM0.9 juta).

Lima (5) negeri mendominasi eksport negara dengan sumbangan kepada export sebanyak 85.3 peratus. Pulau Pinang kekal sebagai pengeksport utama dengan sumbangan 37.5 peratus, diikuti oleh Johor (20.9%), Selangor (17.3%), Sarawak (6.1%) dan W.P. Kuala Lumpur (3.5%). Sementara itu, Selangor mendominasi import Malaysia dengan sumbangan 26.7 peratus, diikuti oleh Johor (23.8%), Pulau Pinang (23.3%), W.P. Kuala Lumpur (9.7%) dan Kedah (4.2%).

Paparan 2: Eksport dan Import mengikut Negeri, Julai 2024 dan Julai 2025




Nota:

- 1..Aktiviti eksport dan import yang berlaku di kawasan Supra (merangkumi aktiviti pengeluaran yang melangkaui pusat kepentingan ekonomi utama bagi mana-mana negeri) atau pengikraran yang dilakukan oleh ejen penghantar tidak termasuk dalam infografik ini.
- 2..Nilai eksport dan import bagi W.P. Kuala Lumpur adalah termasuk W.P. Putrajaya.

Senario Buruh

Bilangan penduduk bekerja pada Julai 2025 terus mencatatkan peningkatan, meningkat sebanyak 0.2 peratus kepada 16.95 juta orang berbanding 16.92 juta orang pada Jun 2025. Peningkatan ini mewakili pertambahan seramai 33.6 ribu orang berbanding bilangan yang direkodkan pada Jun 2025. Nisbah guna tenaga kepada penduduk, yang mengukur peratusan penduduk bekerja kepada jumlah penduduk umur bekerja, kekal pada kadar 68.7 peratus, sama seperti yang dicatatkan pada Jun 2025. Secara tahunan, nisbah ini bertambah sebanyak 0.4 mata peratus, daripada 68.3 peratus yang direkodkan pada Julai 2024 [Carta 20]. Peningkatan ini menunjukkan keupayaan untuk menyerap kemasukan pekerja baharu ke dalam pasaran buruh selaras dengan pertumbuhan populasi penduduk.


Carta 20: Penduduk bekerja dan nisbah guna tenaga kepada penduduk, Januari 2024 – Julai 2025



Nota: r Semakan semula berdasarkan anggaran penduduk semasa daripada Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia, 2020

Kategori pekerja merangkumi 75.0 peratus daripada jumlah penduduk bekerja pada Julai 2025. Kategori ini mencatatkan peningkatan sebanyak 0.1 peratus (+18.3 ribu orang), meningkat kepada 12.71 juta orang berbanding 12.69 juta orang pada Jun 2025. Pada masa yang sama, kategori pekerja bekerja sendiri turut mencatatkan pertumbuhan positif, meningkat sebanyak 0.4 peratus (+11.8 ribu orang) kepada 3.21 juta orang berbanding 3.20 juta orang pada bulan sebelumnya. Pekerja bekerja sendiri ini kebanyakannya terdiri daripada penerima pendapatan harian dalam perniagaan kecil-kecilan seperti peruncit, penjaja, penjual di pasar, peniaga gerai serta pekebun kecil, dan direkodkan secara berasingan kerana mereka tidak menerima gaji atau upah tetap (Carta 21).

Carta 21: Penduduk bekerja mengikut taraf pekerjaan, Jun dan Julai 2025




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Bilangan penduduk bekerja yang tidak bekerja sementara menurun sebanyak 0.6 peratus (-0.5 ribu orang) kepada 89.6 ribu orang pada Julai 2025, berbanding 90.1 ribu orang pada Jun 2025. Namun begitu, secara tahunan, kumpulan ini mencatatkan peningkatan sebanyak 16.3 peratus (+12.6 ribu orang) berbanding 77.0 ribu orang pada Julai 2024. Mereka tidak dikira sebagai penganggur kerana masih mempunyai pekerjaan, walaupun tidak bekerja buat sementara waktu atas sebab cuti, penggantungan atau penutupan tempat kerja.

Selain itu, pengangguran mencatatkan sedikit peningkatan pada Julai 2025. Bilangan penganggur bertambah sebanyak 0.6 peratus (+2.9 ribu orang), daripada 518.7 ribu orang pada Jun 2025 kepada 521.6 ribu orang pada Julai 2025. Walaupun berlaku pertambahan, kadar pengangguran kekal pada paras 3.0 peratus, sama seperti bulan sebelumnya. Mengikut pelarasan bermusim, bilangan penganggur turut meningkat sebanyak 0.8 peratus, namun kadar pengangguran masih berada pada 3.0 peratus.

Berbanding tahun sebelumnya, situasi pengangguran bertambah baik. Bilangan penganggur menurun sebanyak 5.7 peratus (-31.6 ribu orang), daripada 553.2 ribu orang pada Julai 2024. Sehubungan itu, kadar pengangguran susut sebanyak 0.3 mata peratusan, menurun daripada 3.3 peratus pada Julai 2024 (**Carta 22**).


Carta 22: Penganggur dan kadar pengangguran, Januari 2024 – Julai 2025



Nota: r Semakan semula berdasarkan anggaran penduduk semasa daripada Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia, 2020

Mengikut kategori, penganggur aktif yang merujuk kepada mereka yang sedia untuk bekerja dan sedang giat mencari pekerjaan, merangkumi 79.8 peratus daripada jumlah keseluruhan penganggur. Kategori ini meningkat sebanyak 0.4 peratus (+1.7 ribu orang), daripada 414.4 ribu orang pada Jun 2025 kepada 416.2 ribu orang pada Julai 2025. Dalam kategori ini, 64.3 peratus menganggur kurang daripada tiga bulan, manakala 5.1 peratus diklasifikasikan sebagai penganggur jangka masa panjang, menunjukkan mereka yang menganggur melebihi setahun (**Carta 23**).

Carta 23: Kategori penganggur dan tempoh menganggur, Jun dan Julai 2025




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Sementara itu, bilangan penganggur tidak aktif, individu yang tidak giat mencari pekerjaan kerana beranggapan tiada peluang pekerjaan yang tersedia, meningkat sebanyak 1.1 peratus (+1.2 ribu orang) kepada 105.5 ribu orang pada Julai 2025 berbanding 104.3 ribu orang pada Jun 2025.

Carta 24 menunjukkan bahawa kadar pengangguran belia berumur 15 hingga 24 tahun kekal pada paras 10.2 peratus pada Julai 2025. Bilangan penganggur dalam kumpulan umur ini seramai 298.9 ribu orang (Jun 2025: 10.2%; 297.5 ribu orang). Bagi belia berumur 15 hingga 30 tahun, kadar pengangguran juga kekal pada paras 6.2 peratus, dengan bilangan penganggur meningkat sedikit kepada 399.0 ribu orang berbanding 396.8 ribu orang pada Jun 2025 (**Carta 24**).

Carta 24: Penganggur belia dan kadar pengangguran belia, Januari 2024 – Julai 2025




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Nota: r Semakan semula berdasarkan anggaran penduduk semasa daripada Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia, 2020

Trend peningkatan dalam bilangan tenaga buruh turut berterusan pada Julai 2025, dengan peningkatan bulanan sebanyak 0.2 peratus (+36.5 ribu orang), mencapai sejumlah 17.47 juta orang (Jun 2025: 17.43 juta orang). Kadar penyertaan tenaga buruh (KPTB) kekal pada 70.8 peratus, sama seperti bulan sebelumnya. Berdasarkan anggaran pelarasan bermusim, bilangan tenaga buruh mencatat pertumbuhan sama sebanyak 0.2 peratus, menyumbang kepada sedikit peningkatan sebanyak 0.1 mata peratus bagi KPTB kepada 70.9 peratus. Perbandingan secara tahunan, tenaga buruh berkembang sebanyak 2.8 peratus (+473.2 ribu orang) berbanding 17.00 juta orang pada Julai 2024. Sehubungan itu, KPTB meningkat sebanyak 0.2 mata peratus, daripada 70.6 peratus pada Julai 2024 (**Carta 25**).

Carta 25: Tenaga buruh dan kadar penyertaan tenaga buruh (KPTB), Januari 2024 – Julai 2025




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Nota: r Semakan semula berdasarkan anggaran penduduk semasa daripada Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia, 2020

Sementara itu, bilangan penduduk di luar tenaga buruh turut meningkat pada Julai 2025, meningkat sebanyak 0.2 peratus (+12.8 ribu orang) kepada 7.19 juta orang berbanding 7.18 juta orang pada Jun 2025. Secara tahunan, kumpulan ini bertambah sebanyak 1.4 peratus (+96.5 ribu orang) daripada 7.09 juta orang pada Julai 2024. Daripada jumlah ini, peratus sumbangan terbesar adalah kerja rumah/tanggungjawab keluarga (43.7%), diikuti oleh bersekolah/latihan (40.8%) [Carta 26]. Peningkatan ini adalah disebabkan komitmen rumah tangga dan pengajian mencerminkan potensi yang belum dimanfaatkan sepenuhnya, khususnya dalam kalangan wanita dan belia, yang boleh digerakkan melalui dasar kerja fleksibel dan program-program latihan.

Carta 26: Peratus sumbangan luar tenaga buruh mengikut sebab tidak mencari pekerjaan, Jun dan Julai 2025



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Ekonomi Malaysia pada tahun 2025 menunjukkan kestabilan, walaupun masih berdepan dengan pelbagai tekanan. Potensi pertumbuhan kekal pada tahap sederhana hingga kukuh, disokong oleh perbelanjaan swasta dan pelaksanaan projek mega infrastruktur yang sedang berlangsung seperti Laluan Rel Pantai Timur (ECRL), Laluan Transit Aliran Ringan 3 (LRT3) dan RTS Link ke Singapore. Namun begitu, peningkatan kos dan ketidakpastian perdagangan global terus memberi tekanan kepada kos perniagaan, yang berpotensi memperlambatkan pengambilan pekerja dan pelaburan.

Pewujudan jawatan berterusan, khususnya dalam bidang digital dan teknologi hijau, selain perkhidmatan seperti perdagangan, pengangkutan dan hospitaliti. Walau bagaimanapun, kebimbangan semakin meningkat berhubung isu guna tenaga tidak penuh, iaitu pekerja yang bekerja dalam bidang yang tidak sepadan dengan kelayakan mereka. Ketidakpadanan antara keperluan industri dan penawaran buruh terutamanya graduan semakin ketara.

Melihat ke hadapan, permintaan terhadap pekerjaan yang memerlukan kemahiran khusus seperti kecerdasan buatan, keselamatan siber, analitik data dan pembangunan perisian dijangka terus meningkat. Begitu juga, bidang ekonomi hijau seperti tenaga solar, pengurusan sisa, teknologi rendah karbon dan perkhidmatan domestik berorientasikan pengguna seperti kesihatan, pendidikan dan logistik e-dagang, dijangka menjadi pemacu pertumbuhan ekonomi. Namun, bagi merebut peluang ini, penawaran buruh yang berkemahiran perlu seiring dengan permintaan buruh. Jika tidak, Malaysia berisiko berdepan dengan kekosongan jawatan yang tidak dapat diisi walaupun kadar pengangguran kekal rendah.

Bagi mengekalkan daya saing dan inklusif, dasar yang diperkenalkan perlulah memberi tumpuan bukan sahaja kepada bilangan pekerjaan, tetapi juga kualiti dan kesesuaian dengan kemahiran pekerja. Pengukuhan TVET kekal sebagai aspek yang penting. Selain itu, sokongan yang lebih baik terhadap wanita dan belia melalui pengaturan kerja fleksibel, perlindungan yang lebih menyeluruh serta peningkatan kemahiran dalam pekerjaan gig, di samping insentif bagi industri untuk bergerak ke rantai nilai lebih tinggi, juga amat diperlukan. Tanpa usaha-usaha ini, pasaran buruh berisiko berdepan gaji yang stagnan, padanan kerja yang tidak efisien atau peningkatan jurang ketidaksamarataan.

